

# UMP berada di landasan tepat

Berada pada kedudukan kukuh dalam usaha menjadi universiti pilihan utama

■ NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN – Pencapaian cemerlang Universiti Pahang Malaysia (UMP) sepanjang tahun lalu menunjukkan universiti ini berada pada kedudukan kukuh dalam usaha menjadikan UMP sebuah universiti teknologi pilihan utama.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata berdasarkan analisis terhadap pencapaian sebenar menunjukkan 85 peratus daripada 45 petunjuk prestasi utama (KPI) dilaksanakan oleh UMP tahun lalu begitu memberangsangkan.

"Alhamdulillah walaupun UMP berdepan dengan cabaran dan kekangan, namun pencapaian UMP secara keseluruhan begitu cemerlang dari segi kualiti dan kuantiti.

"Kita telah berjaya mengurangkan jumlah KPI yang berada di tahap merah dan kelabu bagi Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara



DR DAING NASIR

(PSTPTN) ke paras sifar.

"Bagi saya kejayaan ini merupakan perkembangan positif dan UMP bersedia menyerap gelombang transformasi pendidikan lebih mencabar termasuk agenda autonomi," katanya ketika berucap dalam Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2015 di Dewan Kompleks Sukan UPM, Gambang di sini, semalam.

Beliau berkata enam inisiatif akan diberikan tumpuan sepanjang tahun ini bagi membolehkan universiti bergerak dengan secara ber-



Daing (enam, kanan) bersama staf UMP yang menyerahkan dana bagi misi kemanusiaan ke Thailand-Laos, selepas majlis amanat tahunan universiti itu.

kesan bagi mencapai agenda kecemerlangan.

"Inisiatif pertama iaitu melonjakkan pengajaran dan pembelajaran E-Learning berdasarkan perubahan dunia digital terkini, kedua pula melonjakkan keusahawanan dan membentuk budaya keusahawanan

secara bersepadu.

"Kumpulan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) kini dalam usaha menubuhkan beberapa enterprise hasil penyelidikan. Selain itu peningkatan kesejahteraan, sikap dan gaya hidup cemerlang warga kampus, pengurusan presta-

si dan memupuk kepimpinan di setiap peringkat," katanya.

Dalam usaha menjadikan UMP berbeza dan mencipta kelainan dengan lebih inovatif, Daing berkata UMP menekankan beberapa prinsip sebagai amalan iaitu sentiasa mencari peluang dalam per-

sekitaran adversity, membuat lebih dengan serba kekurangan dan berfikir serta bertindak secara fleksibel.

Tambahnya, pemberian status autonomi kepada universiti merupakan antara pengupayaan utama transformasi pendidikan tinggi yang juga menunjukkan komitmen kerajaan menjadikan universiti lebih baik.

"Sebuah universiti dapat membuktikan keupayaan memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan berintegriti dan berdaya maju wajar diberikan status autonomi. Operasi autonomi membolehkan universiti bergerak dengan berkesan ke arah kecemerlangan," katanya.

Beliau turut mengharapkan skala markah melebihi 80 peratus bagi melayakkan autonomi penuh daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk membolehkan UMP menjana kecemerlangan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020.